



Headline: Kerugian lebih RM44,000 ditipu penyamar
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 25 May 2018

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 16

Kerugian lebih RM44,000 ditipu penyamar

SIBU: Seorang superintenden inventori di sini kerugian lebih RM44,000 selepas menerima panggilan telefon daripada penyangak yang menyamar sebagai pegawai bank kelmarin.

Ketua Polis Daerah Sibul ACP Stanley Jonathan Ringgit berkata, pengadu, 52, dimaklumkan pemanggil yang memperkenalkan diri sebagai pegawai bank bahawa dia mempunyai hutang kad kredit berjumlah RM4,270.

“Pengadu diberitahu bahawa pihak ketiga telah menggunakan namanya untuk membuka akaun tersebut,” katanya lanjut.

Menurut Stanley, pengadu kemudian disambungkan kepada seseorang yang mendakwa dirinya pegawai Bank Negara dan diarahkan untuk mengeluarkan wang dari akaun dan dimasukkan ke akaun bank lain atas nama

seseorang yang tidak dikenali berjumlah RM35,900 melibatkan enam transaksi.

Katanya lagi, pengadu kemudian diminta untuk membuat pemindahan wang daripada satu lagi akaun bank lain miliknya ke akaun bank lain di atas nama seorang wanita yang juga tidak dikenali sebanyak RM8,599.58 bagi tujuan penyiasaan.

“Setelah membuat pemindahan wang, pengadu menyedari telah ditipu dan membuat laporan polis,” katanya.

Stanley berkata, suspek telah berjaya memperdayakan pengadu untuk memasukkan wang ke dalam akaun suspek bagi tujuan siasatan kes penggunaan nama pengadu memohon kad kredit, yang sebenarnya tidak wujud.

“Kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 420 kerana menipu,” tambah beliau.